

# BROZIL FILM COATED TABLET

Gemfibrozil (600mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BROZIL TABLET
2. Bagaimana BROZIL TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan BROZIL TABLET
4. Cara menggunakan BROZIL TABLET
5. Semasa menggunakan BROZIL TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BROZIL TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BROZIL TABLET

BROZIL TABLET digunakan untuk mengurangkan paras lipid (lemak) yang tinggi dalam darah. Ia diberikan kepada pesakit yang telah gagal mengurangkan paras lipid melalui penurunan berat badan, diet dengan kolestrol/lemak yang terkawal, ataupun cara bukan ubat yang lain.

## Bagaimana BROZIL TABLET berfungsi

BROZIL TABLET ialah agen regulasi lipid. Ia mengurangkan tahap lipid yang tinggi melalui penurunan trigliserida (sejenis lemak) dan pengurangan jumlah kolestrol dalam darah.

## Sebelum menggunakan BROZIL TABLET

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Brozil jika anda alah terhadap gemfibrozil.
- Jangan ambil Brozil jika anda seorang alkoholik atau mempunyai penyakit hati seperti sirosis biliari primer dan anda pernah mempunyai batu karang.

### - Sebelum menggunakan BROZIL TABLET

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat.
- Beritahu doktor jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi

sebelum mengambil Brozil, kerana anda tidak sepatutnya mengambil Brozil semasa mengandung melainkan potensi kebaikannya dikenalpasti melebihi risikonya.

- Beritahu doktor jika anda ada atau pernah mempunyai sejarah masalah buah pinggang.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
  - Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan BROZIL TABLET bersama dengan ubat yang lain.
  - Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.
  - Beritahu doktor jika anda mengambil ubat antikoagulan (ubat untuk mencairkan darah) atau lovastatin (agen menurunkan paras kolestrol yang lain) sebelum anda mula menggunakan Brozil. Ini adalah kerana Brozil mungkin meningkatkan kesan antikoagulan dan meningkatkan risiko pendarahan. Menggunakan Brozil bersama-sama dengan lovastatin akan meningkatkan risiko *rhabdomyolysis* (kerusakan pada tisu otot yang membawa kepada pembebasan kandungan serat otot dan boleh menyebabkan kegagalan buah pinggang).

## Cara menggunakan BROZIL TABLET

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan ialah 1 biji (600mg) dua kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

BROZIL TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil 30 minit sebelum sarapan pagi dan makan malam.

### - Berapa lama perlu digunakan

BROZIL TABLET perlu diambil selagi doktor anda menasihatkan.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan,

ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

## Semasa menggunakan BROZIL TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau mengoperasikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Brozil Tablet mempengaruhi anda

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami termasuk perubahan dalam kekerapan membuang air besar, cirit-birit, sakit perut, muntah. Kesan sampingan yang jarang adalah seperti sakit otot, lenguh dan batu hempedu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan BROZIL TABLET

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.


- Pelupusan

BROZIL TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

BROZIL FILM COATED TABLET adalah tablet putih bersalut filem yang

berbentuk ellips. “”

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Gemfibrozil*

- Bahan tidak aktif

Sodium Lauryl Sulfate

Hydroxypropyl Cellulose

Methylparaben

Polyethylene Glycol

Microcrystalline Cellulose

Starch

Talc

Magnesium Stearate

Sodium Starch Glycolate

Dimethylpolysiloxane

Titanium Dioxide

- Nombor MAL

MAL 19987003AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru

Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul

Ehsan

Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP :**

29 Sept 2015

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)060815/00236